



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpniperak.moe.gov.my>

Ruj. Kami : JPNPk.SPPP.SPM.600-7/4/1(24)
Tarikh : 22 Januari 2019

Pengetua dan Guru Besar
Sekolah-Sekolah Menengah dan Rendah
Negeri Perak Darul Ridzuan.

Tuan,

**TARIKH PENDAFTARAN PEPERIKSAAN AWAM DAN PENTAKSIRAN PUSAT TAHUN 2019:
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH (UPSR)
PENTAKSIRAN ALTERNATIF SEKOLAH RENDAH (PASR)
PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 (PT3)
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA ULANGAN (SPMU)
UJIAN PENCAPAIAN BAHASA ANTARABANGSA (UPBA)
SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk surat Lembaga Peperiksaan KPM.600-9/2/1 (9) bertarikh 16 Januari 2019 berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Lembaga Peperiksaan (LP) telah menetapkan tarikh pendaftaran bagi UPSR, PASR, SPM, SPMU, UPBA dan STAM tahun 2019 bagi calon sekolah dan calon persendirian adalah mulai **10 Februari hingga 10 Mac 2019** manakala pendaftaran bagi calon PT3 adalah mulai **1 Mac hingga 31 Mac 2019**. Makluman pendaftaran ini hendaklah dibaca bersama-sama Buku Panduan Pengurusan Peperiksaan UPSR, SPM, SPMU dan STAM Edisi 2018. Pelanjutan tarikh pendaftaran peperiksaan adalah **tidak dibenarkan**.

3. Pendaftaran UPSR, PASR, PT3, SPM, SPMU, UPBA dan STAM hendaklah dilaksanakan secara dalam talian melalui aplikasi pendaftaran bagi setiap peperiksaan atau pentaksiran dengan mematuhi syarat-syarat pendaftaran yang telah ditetapkan dan surat pekeliling ikhtisas berkaitan yang masih berkuatkuasa. Pihak sekolah boleh mula mengakses aplikasi pendaftaran UPSR, PASR, PT3, SPM, SPMU, UPBA dan STAM tahun 2019 secara dalam talian mulai tarikh berkenaan.

4. Bersama-sama ini disertakan surat Lembaga Peperiksaan KPM.600-9/2/1 (9) bertarikh 16 Januari 2019 untuk makluman dan tindakan tuan.

Kerjasama tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(AZNAN BIN HAJI ALIAS, AMP.)

Ketua Sektor
Sektor Pengurusan Penilaian dan Peperiksaan
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.

s.k.

Pegawai Peperiksaan, Unit Penilaian dan Peperiksaan, Pejabat Pendidikan Daerah, Negeri Perak.

Perak EXcellent

Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung

